

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**

**TARIKH : 27 MEI 2015(RABU)**

**SOALAN :**

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha memajukan tanah wakaf dan tanah adat Bumiputera melalui pengwujudan satu institusi khusus untuk membangunkan tanah Melayu Bumiputera secara produktif dan menguntungkan seperti program perumahan yang dilaksanakan PR1MA.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut peruntukan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua tanah-tanah wakaf di negeri masing-masing adalah

bertanggungjawab untuk memastikan harta tanah wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Begitu juga berkaitan dengan tanah adat Bumiputera a, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ia adalah dibawah bidang kuasa negeri-negeri berkenaan khususnya Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Ahli Yang Berhormat disarankan beurusan dengan pihak yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Sekian, terima kasih.